

Press Statement issued by AHPCM

Supporting KPDN's announcement on the Hire Purchase (Amendment) Act 2026

Kuala Lumpur, 16 Mac 2026 — Persatuan Syarikat-Syarikat Sewa Beli Malaysia (AHPCM) menyambut baik pengumuman oleh YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali, berhubung tarikh kuat kuasa Akta Sewa Beli (Pindaan) 2026 pada 1hb Jun 2026 serta pelaksanaan tempoh peralihan sehingga 31 Mac 2027.

Pindaan kepada Akta Sewa Beli 1967 ini memberikan pembaharuan penting terhadap rangka kerja sewa beli negara dalam usaha memperkukuh perlindungan pengguna, meningkatkan ketelusan industri, serta memastikan pasaran sewa beli terus berkembang secara telus dan mampan. AHPCM merakamkan penghargaan kepada kerajaan atas penyediaan tempoh peralihan, sekali gus memberi ruang kepada pemain industri untuk melaksanakan penyesuaian operasi secara teratur dan berperingkat. AHPCM akan terus bekerjasama rapat dengan para ahlinya bagi menyokong pematuhan tempoh peralihan sehingga 31 Mac 2027.

Komitmen Industri Terhadap Perlindungan Pengguna

AHPCM menyokong peralihan kepada penggunaan Kadar Faedah Efektif (*Effective Interest Rate*, EIR) dan Kaedah Pengurangan Baki (*Reducing Balance Method*) sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Sewa Beli (Pindaan) 2026.

Pelaksanaan kaedah ini dijangka dapat meningkatkan kejelasan terhadap jumlah bayaran balik sepanjang tempoh pembiayaan dan mewujudkan asas perbandingan kos yang lebih telus antara pengguna jangka panjang dan pengguna yang menyelesaikan pembiayaan lebih awal.

Memperkukuh Kesedaran dan Kefahaman Pengguna

AHPCM turut menyokong seruan YB Menteri agar pengguna sentiasa peka dan proaktif dalam menilai kadar faedah yang ditawarkan oleh penyedia pembiayaan. Penggunaan EIR sebagai piawaian perbandingan akan dapat membantu pengguna membuat keputusan pembiayaan yang lebih baik melalui kefahaman berhubung kos sebenar pembiayaan.

AHPCM akan bekerjasama rapat dengan ahli-ahli industri untuk mempergiat usaha penerangan kepada para pengguna melalui penyediaan panduan ringkas dan infografik.

Menyokong Pendigitalan Dokumen Sewa Beli

AHPCM turut mengalu-alukan penggunaan dokumen dan notis elektronik dalam urusan sewa beli. Inisiatif pendigitalan ini yang bukan sahaja meningkatkan kecekapan operasi, malah memudahkan pengguna mengakses dokumen penting pada bila-bila masa, mengurangkan risiko kehilangan atau kerosakan dokumen fizikal, serta memastikan rekod transaksi yang lebih telus dan teratur. Industri komited untuk terus memperkukuh

Press Statement issued by AHPCM

Supporting KPDN's announcement on the Hire Purchase (Amendment) Act 2026

sistem dalaman dan memastikan pematuhan terhadap standard keselamatan digital yang ditetapkan bagi melindungi data serta kepentingan pengguna.

Penutup

AHPCM yakin bahawa pindaan kepada Akta Sewa Beli 1967 ini merupakan langkah progresif yang akan membawa manfaat kepada pengguna, industri serta ekonomi negara secara keseluruhannya.

Persatuan akan terus bekerjasama rapat dengan pihak kerajaan, khususnya KPDN, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Kredit Pengguna (SKP), serta semua rakan industri bagi memastikan pelaksanaan pindaan ini berjalan dengan lancar demi kepentingan pengguna.

About Persatuan Syarikat-Syarikat Sewa Beli Malaysia

Established in 1965, the Association has a 61 years history representing banks, finance companies, credit companies, leasing companies, new and used car companies as well as motor cycle companies. It has a current membership of 431 members.

The objective of the Association is to promote, enhance, protect and safeguard the interests of its members with particular reference to the hire purchase industry.